



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SEE CHEE KONG MENERUSKAN AGENDA STANDARDISASI DAN AKREDITASI MALAYSIA

CYBERJAYA, 3 September 2025 – Agenda Standardisasi dan Akreditasi Malaysia diteruskan dengan pelantikan Encik See Chee Kong sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Standard Malaysia (JSM) yang ke-6.

Berbekalkan pengalaman luas dalam perkhidmatan awam, terutamanya dalam bidang perdagangan dan industri, beliau yakin akan dapat memacu JSM ke tahap yang lebih tinggi. Sebelum menyertai JSM, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarah Kanan di Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Menteri Kedutaan (Hal Ehwal Ekonomi) di Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, Republik Rakyat China di mana beliau memainkan peranan penting dalam mempromosikan kepentingan ekonomi Malaysia di samping mengeratkan lagi kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan Malaysia-China.

Pelantikan ini merupakan satu langkah strategik bagi memperkukuh ekosistem standardisasi dan akreditasi Malaysia dalam mendepani cabaran ekonomi global. Pengalaman luas beliau di MITI akan memberikan kelebihan dalam memacu agenda standardisasi dan akreditasi Malaysia selaras dengan misi dan matlamat yang digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Kepimpinan baharu ini dijangka akan memacu agenda JSM agar terus cemerlang dalam misinya untuk menyediakan infrastruktur standard dan akreditasi yang diiktiraf di peringkat global dalam menyokong inovasi, memastikan kualiti dan keselamatan produk, serta meningkatkan daya saing industri tempatan di persada antarabangsa.

----TAMAT----

**JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)
3 SEPTEMBER 2025**

Tentang JSM:

Jabatan Standard Malaysia (JSM) ialah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). JSM berperanan sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang membangunkan serta mempromosikan Standard Malaysia (MS), dan menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal, badan pensijilan dan pemeriksaan. **Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik JSM
Telefon : 03-8008 2891/ 017-313 1128
Faks : 03-8008 2901
E-mel : uks@jrm.gov.my